

# ASP, sarjan direman kes rasuah

9 Harian (10/7/2022) Page 22

**Sungai Petani:** Seorang pegawai polis berpangkat Asisten Superintendan (ASP) dan anggota berpangkat sarjan masing-masing direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung kes meminta dan menerima rasuah berjumlah RM8,000.

Sumber berkata, kedua-dua mereka ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima wang terbabit sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan terhadap individu yang melakukan kesalahan menyimpan rokok seludup.

“Hasil laporan dibuat peniaga berkeenaan, SPRM menahan anggota berusia 39 tahun itu di sebuah stesen minyak di Pulau Pinang pada jam 9.55 malam.

“Susulan itu, tangkapan dilakukan terhadap pegawai berpangkat ASP berusia 46 tahun yang hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM di cawangan Sungai Petani, semalam,” katanya.

Difahamkan, kedua-dua mereka bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah di sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di Pulau Pinang.